

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PENGGAL YANG KETIGA

ATORAN URUSAN MESHUARAT

HARI KHAMIS, 20 APRIL, 1961, PADA PUKUL 10 PAGI

Bil. 1

1

LAPORAN TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

- *1. **Datin Fatimah binti Haji Hashim** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan berchadang memberi peluang kepada wanita² ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang berkelayakan berkhidmat dalam Jawatan Tadbir Persekutuan (M.C.S.), kalau tidak, apa-kah sebab-nya.
- *2. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kapada Menteri Luar apa-kah kelayakan yang di-kehendaki bagi sa-saorang Konsul Agong Persekutuan.
- *3. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kapada Menteri Luar ada-kah Konsul Agong Persekutuan Tanah Melayu yang baharu di-lantek di-Jeddah mempunyai kelayakan saperti itu dan ada-kah lantekan itu di-buat menerusi saloran biasa, dan jika demikian, bagaimana.
- *4. **Enche' V. David** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ia-itu apa-kah atoran-nya yang di-pakai bagi membahagi²kan beras hanchor kapada pembuat² bihon.
- *5. **Enche' V. David** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ia-itu ada-kah beliau sedar bahawa beras hanchor yang di-bahagi²kan menerusi Persatuan Pembuat² Bihon itu tidak sampai kapada sa-tengah pembuat² bihon, dan jika sedar, apa-kah langkah yang di-jalankan oleh Kementerian ini bagi menjaga supaya beras hanchor itu di-bahagi²kan kapada semua pembuat bihon menurut bahagian masing².
- *6. **Enche' V. David** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ia-itu boleh-kah beliau mengeluarkan perentah supaya di-adakan suatu penyiasatan terhadap kejadian² yang tidak menurut atoran di-dalam pembahagian beras hanchor kapada pembuat² bihon itu.
- *7. **Enche' K. Karam Singh** bertanya kapada Menteri Pengangkutan ia-itu ada-kah Kerajaan akan mengadakan chermin² muka, bangku² tinggi dan sabun di-dalam tandas gerabak keretapi kelas tiga.
- *8. **Enche' K. Karam Singh** bertanya kapada Menteri Pengangkutan ia-itu ada-kah Kerajaan akan menggantikan besi alas kepala kerusi² gerabak kelas tiga dengan alas yang lebuh lembut.
- *9. **Enche' K. Karam Singh** bertanya kapada Menteri Pengangkutan ia-itu ada-kah Kerajaan akan mengelokkan hiasan dalam gerabak² kelas tiga supaya gerabak itu kelihatan lebuh berseri lagi.

PADA PERMULAAN URUSAN KERAJAAN

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG² KERAJAAN

1. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Pinjaman (Simpanan Bijeh Timah Antara Bangsa).
2. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Pinjaman (Tempatan).
3. Menteri Pengangkutan:
Rang Undang² Chukai Api (Pindaan).
4. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Bea.
5. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Bil Perbendaharaan dan Resep Simpanan (Pindaan).
6. Menteri Dalam:
Rang Undang² Pilehanraya Tempatan (Pindaan).
7. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Kewangan (Menetapkan kegunaan Chukai Keluaran Bijeh Besi).
8. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Sharikat² Ansuran Nyawa (Pindaan).
9. Menteri Pelajaran:
Rang Undang² Pelajaran.
10. Menteri Pelajaran:
Rang Undang² University of Malaya.
11. Menteri Pengangkutan:
Rang Undang² Badan² Kuasa Pelabuhan.
12. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Peratoran Kewangan (Pindaan).
13. Menteri Kewangan:
Rang Undang² Kumpulan Wang Pembangunan.
14. Menteri Perdagangan dan Perusahaan:
Rang Undang² Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Menanam Sa-mula) (Pindaan).
15. Perdana Menteri:
Rang Undang² Perlembagaan (Pindaan).
16. Perdana Menteri:
Rang Undang² Surohanjaya² Perkhidmatan (Pindaan).

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU² USUL²

1. Timbalan Perdana Menteri akan menchadangkan:

ia-itu menurut sharat² perenggan (1) daripada Peratoran Meshuarat 12. Majlis ini memerentahkan ia-itu sa-bagai satu perchobaan, tiap² sidangan dalam meshuarat sekarang akan di-mulakan pada puluk 10 pagi

dan jika meshuarat tidak di-tanggohkan terdahulu daripada itu, akan di-jalankan sa-hingga pukul 1 tengah hari, dan daripada pukul 8.30 malam hingga pukul 11 malam atau pada bila² hari di-keluarkan usul menang-gohkan meshuarat menurut Peratoran Meshuarat 17, sa-hingga pukul 11.30 malam, dan untuk maksud² peratoran demikian sharat²

- (a) Perenggan (1) dan (2) dalam Peratoran Meshuarat 16 dan pereng-gan (4) dalam Peratoran Meshuarat 18 hendak-lah di-fahamkan sa-olah² kalimah "pukul 4.30 petang" itu ma'ana-nya pukul 11 malam.
- (b) Perenggan (4) dalam Peratoran Meshuarat 17 hendak-lah di-fahamkan sa-olah² kalimah "pukul 5 petang" itu ma'ana-nya pukul 11.30 malam, dan,
- (c) Perenggan (3) dalam Peratoran Meshuarat 18 hendak-lah di-fahamkan sa-olah² kalimah "pukul 2.30 petang" itu ma'ana-nya pukul 8.30 malam.

2. Timbalan Perdana Menteri akan menchadangkan:

Ia-itu menurut perenggan 2 dalam Peratoran Meshuarat 76 sa-buah Jawatan-Kuasa yang terdiri daripada Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi dan mengandungi enam orang Ahli² yang tersebut di-bawah ini di-lantek menjadi ahli Jawatan-Kuasa Pilehan :

Timbalan Perdana Menteri.

Menteri Dalam.

Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat.

Enche' V. Manickavasagam.

Enche' Ahmad Boestamam.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor.

3. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Ia-itu Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohd. Shah di-lantek jadi Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Kerajaan.

4. Dr. Lim Swee Aun akan menchadangkan:

Ia-itu suatu uchapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kapada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saperti berikut—

"Ampun Tuanku,

Kami, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat di-dalam per-sidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu uchapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak² shukor dan terima kaseh kapada ka-bawah Duli kerana Titah Uchapan ka-bawah Duli pada masa di-buka Penggal Ketiga Parlimen."

5. (10/61) Rang Undang² Barang Letupan, Ayer Api dan Senjata² pergaduhan (Pindaan) Bachaan kali yang kedua

6. Menteri Keselamatan dalam Negeri akan menchadangkan:

Ia-itu Penyata Jawatan-Kuasa Hak dan Kebebasan (Penggal Kedua) yang di-bentangkan kapada Majlis sa-bagai kertas Bil. D.R. 2 tahun 1961, di-terima.

7. Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat akan menchadangkan:

Ia-itu Penyata Jawatan-Kuasa Peratoran Meshuarat (Penggal Kedua) yang telah di-bentangkan kapada Majlis sa-bagai Risalah Bil. D.R. 1 tahun 1961, di-terima dengan di-kuat kuasakan mulai daripada akhir meshuarat ini.

8. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Ia-itu Majlis ini bersidang sa-bagai Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis untuk menimbangkan Keterangan² yang di-bentangkan di atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah 18 tahun 1961 dan mengeshorkan adakah keterangan itu di-luluskan dengan di-pinda atau tidak di-pinda.

9. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan ia-itu kerana Undang² Dharurat telah di-mansohkan pada 31 July, 1960, maka mustahak-lah di-semak serta di-pinda Undang² Kesatuan Pekerja tahun 1959 supaya boleh di-sahkan Peratoran Pertubohan Buroh Antara Bangsa Bil. 87 Peratoran melindungi hak² Menubohkan, 1948—Peratoran Buroh Antara Bangsa Bil. 98—Hak Menubohkan dan Tawar-Menawar Beramai², 1948.

10. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:

Ia-itu suatu Undang² hendak-lah di-kemukakan supaya orang² bukan warga negara Persekutuan Tanah Melayu tidak di-benarkan bekerja dalam Jabatan² Kerajaan dan dalam Gudang² Perniagaan dan Perusahaan² dalam Persekutuan Tanah Melayu, melainkan pekerja² yang berkemahiran sahaja yang bukan warga negara Persekutuan boleh-lah bekerja dalam tempoh yang singkat.

11. Che' Khadijah binti Mohd. Sidek akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan ia-itu bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu hendak-lah di-tukar kapada bunga Anggerek Kinta.

12. Enche' K. Karam Singh akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memandang dengan berat akan kelemahan per-tadbiran khidmatan Perubatan sekarang di-mana bayaran di-kenakan dan juga kena bayar bayaran pakar dan Majlis ini menetapkan supaya di-tubohkan suatu Surohanjaya Penyiasat untuk mengkaji atoran demikian dengan tujuan hendak memberi kemudahan perubatan kapada semua orang dengan tidak kira kedudukan kewangan-nya di-dalam rumah² sakit Kerajaan di-seluroh Tanah Ayer.

13. Enche' V. David akan menchadangkan:

Ia-itu Majlis ini sangat² khuatir berkenaan dengan penggunaan Undang² keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 oleh Kerajaan bagi menangkap dan menahan 12 orang ahli Barisan Socialis dan 2 orang ahli Kesatuan Kerja.

14. Enche' V. David akan menchadangkan:

Ia-itu Majlis ini menguatkan sa-kali lagi sokongan atas perdirian yang telah di-ambil oleh Perdana Menteri berkenaan dengan memboikot barang² Afrika Selatan dan Majlis ini memikirkan bahawa Kerajaan Persekutuan hendak-lah menyokong suatu chadangan meshuarat di-Bangsa² Bersatu meminta seluroh dunia memboikot barang² Afrika Selatan.

15. Enche' V. David akan menchadangkan:

Ia-itu Majlis ini pada timbangan-nya Kerajaan hendak-lah memberi-tahu Setia-Usaha Agong Bangsa² Bersatu ia-itu Majlis ini berpendapat ada-lah pasokan² askar Tanah Melayu di-hantar ka-Congo itu hanya dengan sharat—

- (a) di-tarek balek semua tentera² Belgium dan pegawai² pentadbir-nya;
- (b) Parlimen Congo hendak-lah di-tubohkan sa-mula;
- (c) pembunuh² Tuan Patrice Lumumba hendak-lah di-bichara dan di-hukumkan mengikut ke'adilan.

RISALAT² YANG DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

<i>Tarikh di-bawa</i>	
1 March, 1961	Cmd. 9 ... Penyata Surohanjaya Penyiasat kedudukan pelajar ² Tanah Melayu di-United Kingdom dan di-Republik of Ireland
11 March, 1961	Cmd. 10 ... Kedudukan Kewangan Lembaga Pinjaman Pemuliharan Lombok ² Bijeh Timah China dan Lembaga Kewangan Pemuliharan Perusahaan pada 31 December, 1960
23 March, 1961	Cmd. 11 ... Perjanjian berkenaan dengan Sagu hati Pekerja ² Pertanian
23 March, 1961	Cmd. 12 ... Perjanjian berkenaan dengan pemakaian dasar ² hak menubohkan dan tawar-menawar beramai ²
24 March, 1961	ST. 18 ... Atoran Pelabuhan (Selangor) (Pindaan), 1961 ...
25 March, 1961	Cmd. 13 ... Rangka Atoran menurut Seksyen 7 dalam Undang ² menyemak sa-mula Kanun ² , 1959 ...
4 April, 1961	ST. 15 ... Penyata Tahunan Bank Negara Tanah Melayu dan Keterangan Kira ² , 1960 ...
4 April, 1961	Cmd. 16 ... Penyata Mu'tamad Banchi Pendudok ² Persekutuan

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

1. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-itu:

- (a) berapa bilangan guru² yang mempunyaï ijazah university yang telah di-hantar ka-tiap² Sekolah² Menengah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1961;
- (b) kenapa-kah selalu benar di-tukar²kan Pengetua Sekolah Zainab di-Kota Bharu itu.

2. **Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ia-itu apa-kah jenis pertubohan dan khidmatan masharakat yang boleh meminta bantuan kewangan dari Lembaga Loteri Kebajikan Masharakat.

3. **Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ia-itu ada-kah pehak Lembaga Loteri Kebajikan Masharakat memberitahu sebab² maka di-tolak sa-suatu permohonan itu, jika tidak kenapa.

4. **Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ia-itu ada-kah Kerajaan kekurangan doktor² Kerajaan di-Persekutuan Tanah Melayu, jika demikian, apa-kah langkah yang di-jalankan bagi mengatasi masalah ini dan berapa-kah lama baharu ke-kurangan itu dapat di-bereskan.

5. **Enche' K. Karam Singh** bertanya kapada Menteri Buruh ia-itu:

- (a) Berapa-kah bilangan kemalangan yang membawa mati yang telah berlaku di-tempat² perusahaan dengan di-terangkan bilangan pekerja² yang kemalangan di-dalam masing² chawangan perusahaan Tanah Melayu (mithal-nya pengangkutan, lombong, perusahaan kayu kayan dll.) dalam tempoh sa-tahun yang lalu dan terangkan bilangan kemalangan itu dalam tiap² negeri.
- (b) Di-dalam berapa kejadian yang telah di-bayar sagu hati kapada pekerja² dan berapa-kah banyak wang yang sa-benar-nya telah di-bayar.

- (c) Berapa-kah bilangan kemalangan yang tidak membawa mati yang berlaku di-dalam perusahaan yang di-sebutkan tadi dan berapa-kah banyak-nya wang sagu hati yang telah di-bayar kepada pekerja² yang kemalangan.
- (d) Apa-kah langkah yang di-chadangkan oleh Kementerian Buroh bagi mengelakkan kemalangan di-tempat² perusahaan.
- 6. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berapa-kah bilangan mata² khas di-Persekutuan Tanah Melayu yang sedang di-ambil tindakan mahkamah supaya menjelaskan pinjaman² mereka kepada Kerajaan.
- 7. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ia-itu ada-kah kementerian-nya sedar bahawa ada-nya kegelisahan yang di-rasakan oleh bekas mata² khas apabila tamat tempoh perkhidmatan mereka dengan tidak di-beri apa² kerja sa-bagai ganti-nya oleh Kerajaan, dan juga di-paksa oleh Kerajaan supaya membayar sa-mula pinjaman², jika ya, terangkan langkah² yang akan di-jalankan untuk membantu mereka menjauhkan kegelisahan mereka itu.
- 8. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kementerian-nya bersedia menubohkan sa-buah Jawatan-Kuasa bebas untuk menyelidik kegelisahan yang sedang di-deritai oleh bekas mata² khas dan mengeshorkan bagaimana chara-nya yang boleh menamatkan kegelisahan itu.
- 9. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri berapa-kah bilangan ranchangan kemajuan tanah menurut ranchangan Pembangunan Luar Bandar dalam tiap² negeri dan berapa-kah luas tiap² satu ranchangan itu.
- 10. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri berikan nama negeri yang paling maju, dan negeri yang paling mundur di-dalam ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan apa sebab-nya.
- 11. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri ada-kah kawasan Setapak termasuk di-dalam Ranchangan Luar Bandar, jika ya, apa-kah sebab-nya maka wakil ra'ayat yang terpilih Parlimen/ Negeri tidak di-pelawa berkhidmat di-dalam Jawatan-Kuasa Luar Bandar.
- 12. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri bagaimana-kah chara-nya Kerajaan Persekutuan menentukan jumlah wang yang di-beri kapada masing² Negeri mengikut Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.
- 13. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri ada-kah dasar Kerajaan Persekutuan menerima shor Kerajaan Negeri bersabit dengan keutamaan ranchangan menurut Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.
- 14. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri di-dalam pelaksanaan ranchangan pembangunan luar bandar ada-kah Kerajaan akan memberi keutamaan untuk menyiapkan jalan Jerangu-Kuala Dungun, jika tidak, kenapa, dan jalan mana-kah yang akan di-beri keutamaan.
- 15. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad** bertanya kapada Menteri Luar ada-kah benar ia-itu Setia Usaha Kedua di-Konsol Tanah Melayu di-Jedah telah di-lantek, jika ya, terangkan.
- (a) Nama pegawai yang di-lantek.
- (b) Ada-kah di-lantek buat sementara atau tetap.

- (c) Ada-kah jawatan itu telah di-ilangkan.
- (d) Ada-kah pegawai itu fasih berbahasa Inggeris atau Arab.
- (e) Apa-kah pengalaman dan pengetahuan pertadbiran negeri tempat beliau berkhidmat yang ada pada pegawai ini.

16. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah bertanya kapada Menteri berapa-kah bilangan pengundi² yang telah berdaftar, menurut bangsa di-Persekutuan Tanah Melayu.

17. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah bertanya kapada Menteri Buroh berapa-kah bilangan murid² menurut bangsa yang telah di-lateh oleh Lembaga Apprentice Pusat di-Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1959 dan 1960, dan apa-kah jenis latehan yang di-berikan kapada mereka.

18. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah bertanya kapada Menteri Kerjaraya Pos, dan Talikom berapa-kah bilangan buroh² perempuan termasok-lah buroh² jalan yang berkhidmat dengan Jabatan Kerjaraya Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1958, 1959 dan 1960.

19. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kapada Menteri Dalam ada-kah jalan masok ka-Datok Kramat akan di-jadikan sa-bagai sa-buah "jalanraya orang ramai" jika demikian, ada-kah penukaran ini akan di-jalankan sebelum berakhirnya tahun ini untuk membolehkan di-adakan lampu jalan.